


Kaji semula sasaran, wawasan: PM

BH- 2/10/2019 m/s 2



Dr Mahathir berucap pada majlis perjumpaan dengan penuntut Malaysia di United Kingdom di Belgrave Square, London, kelmarin.

Langkah bagi pastikan kekayaan, kemakmuran dapat dikongsi bersama

London

Zaharah Othman

bhnews@bh.com.my



Kerajaan akan meneliti semula sasaran dan wawasannya demi memastikan kekayaan negara dapat dikongsi secara bersama, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu adalah usaha kerajaan bagi merapatkan jurang kekayaan dalam kalangan masyarakat, selain memastikan rakyat dapat menikmati kemakmuran yang dikecapi negara.

“Menjadi harapan (kerajaan) supaya jurang dan perbezaan kekayaan rakyat dapat dirapatkan tanpa mengira bangsa dan agama, sama ada di bandar atau di luar bandar.”

“Justeru, terdapat keperluan supaya kita teliti semula sasaran dan wawasan. Kami mahu lebih ramai rakyat dapat merasai kemakmuran negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 100 pelajar Malaysia dari universiti sekitar United Kingdom (UK) di sini, kelmarin.

Majlis turut dihadiri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong dan

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke UK dan Ireland, Datuk Mohamad Sadik Ketherghany.

Dr Mahathir juga mengingatkan semua pelajar supaya bertanggungjawab membayar semula pinjaman pendidikan mereka bagi memastikan pelajar lain dapat menggunakan kemudahan itu untuk melanjutkan pengaji-an.

“Saya tidak gembira apabila mendapat tahu ada orang yang dapat pinjaman (pendidikan), tetapi apabila sudah bekerja, mereka enggan menjelaskan pinjaman terbabit. Pinjaman itu perlu dibayar semula kerana ada orang lain bergantung kepadanya.

“Ini tidak baik kerana mereka yang tidak membayar semula pinjaman boleh menyebabkan mana-mana negara jatuh miskin,” katanya.

“Menjadi harapan (kerajaan) supaya jurang dan perbezaan kekayaan rakyat dapat dirapatkan tanpa mengira bangsa dan agama, sama ada di bandar atau di luar bandar. Justeru, terdapat keperluan supaya kita teliti semula sasaran dan wawasan.”

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

Sambil menjelaskan negara menghadapi masalah kekurangan dana untuk menyediakan biasiswa, Perdana Menteri berkata, keperluan membayar semula pinjaman harus dijadikan budaya rakyat Malaysia.

“Kami (kerajaan) perlu menguruskannya dengan lebih ketat. Jika kamu memiliki tabiat buruk, contohnya tidak membayar pinjaman daripada bank, bank terbabit tidak lagi kamu memberi anda pinjaman.

“Bukan sahaja kamu seorang, seluruh bangsa kamu akan dilabel sebagai tidak boleh dipercayai. Jadi membayar semula pinjaman amat penting bagi semua rakyat di Malaysia.

“Apabila sudah meminjam (pinjaman pendidikan), perlu bayar semula supaya kerajaan boleh menghantar lebih ramai untuk belajar di luar negara. Malangnya jumlah pelajar berkenaan terpaksa dikurangkan,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, kerajaan sedia membantu menyediakan latihan kepada mana-mana individu yang kurang pengalaman dan kemahiran untuk meningkatkan lagi taraf hidup mereka.

“Sama ada orang itu berjaya atau tidak, ia bergantung kepada individu itu kerana kerajaan membantu menyediakan dasar yang baik. Jika individu itu tidak mahu bekerja, dia tidak boleh menjadi kaya.

“Jika individu itu bekerja, namun tidak memiliki latihan yang mencukupi, kerajaan sedia membantu dan memberi mereka lesen untuk menjalankan perniagaan,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak teragak-agak menarik semula lesen terbabit jika pemiliknya didapati melanggar syarat dengan menjual dokumen berkenaan.

Ibadat & Fadilat

Daripada Ibnu Umar, Rasulullah SAW bersabda: “Janganlah engkau solat kecuali memasang (meletakkan) sutrah dan jangan biarkan seorang pun melintas di hadapan engkau. Apabila ia tetap berkeras, maka lawanlah dia kerana dia ditemani syaitan.” (HR Ibnu Khuzaimah)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:50	1:11	4:24	7:11	8:20
Alor Setar	5:50	1:10	4:23	7:11	8:20
P. Pinang	5:50	1:10	4:23	7:11	8:20
Ipoh	5:48	1:08	4:19	7:09	8:18
Kuala Lumpur	5:45	1:06	4:16	7:07	8:16
Shah Alam	5:45	1:06	4:16	7:07	8:16
Johor Bahru	5:36	12:57	4:05	6:59	8:08
Kuantan	5:39	1:00	4:09	7:01	8:10
Seremban	5:43	1:04	4:13	7:06	8:14
Bandar Melaka	5:42	1:03	4:12	7:05	8:14
Kota Bharu	5:47	1:03	4:16	7:04	8:09
K. Terengganu	5:39	12:59	4:12	7:00	8:09
Kota Kinabalu	4:47	12:07	3:20	6:08	7:17
Kuching	5:11	12:32	3:40	6:34	7:43